

BERITA

GERBANG INOVASI | KUALITI | PRODUKTIVITI

SUKU TAHUN (1/2021)



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

DITERBITKAN
SEJAK
2002

PROGRAM INSENTIF CUKAI TAKSIRAN



Program Insentif Cukai Taksiran telah diadakan bermula 1 Januari 2021 hingga 28 Februari 2021 yang lalu. Untuk tahun ini terdapat dua kategori pertandingan yang diadakan iaitu penyertaan bayaran melalui kaunter dan juga penyertaan bayaran melalui dalam talian (online). Bagi peserta yang membuat bayaran melalui kaunter tanpa sebarang tunggakan dan bayaran dibuat secara penuh untuk setahun, mereka berpeluang untuk memenangi hadiah bonanza berupa sebuah motorsikal. Turut disediakan 10 barangan elektrik untuk dimenangi. Untuk mereka yang membuat bayaran melalui dalam talian juga turut tidak ketinggalan untuk memenangi hadiah bonanza yang juga berupa sebuah motorsikal. 10 barangan elektrik turut disediakan bagi pemenang bertuah

BENGGEL SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH (ABMS) ISO 37001 : 2016 PEMAHAMAN & PELAKSANAAN SIS 1/2021


7-8 Januari 2021 (Khamis-Jumaat) - Bengkel ini diadakan dalam usaha penyediaan dan pembangunan Sistem Pengurusan Anti Rasuah MS ISO 37001: 2016 (Anti Bribery Management System) ABMS bagi Majlis Perbandaran Taiping. Bengkel ini juga bertujuan untuk memberikan kefahaman mengenai konsep Sistem Pengurusan Anti Rasuah. Dalam pada itu bengkel yang diadakan ini turut menyediakan pengetahuan menyeluruh mengenai keperluan ISO 37001:2016 kepada seluruh warga Majlis Perbandaran Taiping. Bengkel ini dimulakan dengan kehadiran penceramah iaitu Dr Mohd Bakri Bin Jali dari Jabatan Latihan & Perundingan, SIRIM STS Sdn Bhd beserta tetamu kehormat yang lain. Majlis Perasmian Bengkel Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) MS ISO 37001:2016 ini seterusnya disempurnakan oleh YBrs Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir, Yang Dipertua MPT. Turut hadir sama di dalam bengkel ini adalah Encik Kamaruzzaman bin Kamari, Setiausaha Perbandaran MPT, Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian serta pegawai-pegawai kanan MPT dan juga warga MPT. Aturcara majlis ini diteruskan dengan slot-slot taklimat yang disampaikan oleh penceramah mengikut masa yang ditetapkan. Setiap peserta dibekalkan dengan salinan nota kursus sebagai rujukan. Bengkel ini berlangsung selama dua hari bermula pada hari Khamis, 7 Januari 2021 dan tamat pada hari Jumaat, 8 Januari 2021.



Amalkan Kawalan Kendiri



Daftar aplikasi
MySejahtera



Jaga jarak fizikal
sekurang-kurangnya 1 meter



Gunakan pelutup muka
di tempat awam



Cuci tangan dengan air dan sabun
atau pembasmi kuman

SUK PERAK LANGGAR BUKU PELAN STRATEGIK 2021-2025

IPOH, 19 Januari 2021- YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim telah melancarkan buku Pelan strategik 2021-2025 bagi menjayakan visi PSUK Perak dalam menjadi 'Peneraju Transformasi Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam Negeri Perak Menjelang 2025' hari ini. Pelan strategik ini merupakan garis panduan bagi memastikan segala perancangan dapat direalisasikan selaras dengan dasar-dasar kerajaan negeri.



Usaha tersebut telah dirangka melalui pengenalpastian isu-isu strategik dan analisis persekitaran yang menjadi faktor utama penyampaian perkhidmatan yang akan memberi kesan tinggi kepada pemegang taruh, rakan strategik serta pelanggan. Dalam memastikan objektif pelan tercapai, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak memfokuskan empat (4) teras utama dalam membentuk pelan iaitu pembangunan sosioekonomi, pemerkasaan pengurusan lestari alam sekitar, sistem penyampaian digital dan penyampaian perkhidmatan. Pelan Strategik 2021-2025 itu akan diedarkan ke seluruh Jabatan Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan juga Badan Berkanun yang ada di negeri Perak supaya pihak-pihak berkenaan dapat meningkatkan kualiti kerja dan fokus dalam meningkatkan pembangunan yang sekata. Buku Pelan Strategik 2021-2025 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan ini juga boleh diakses melalui Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak di pautan www.perak.gov.my.

PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19

CEGAH COVID-19

Fakta:
Tangan yang tidak dibasuh dengan kerap dan betul **PENUH** dengan kuman.
Sumber: CDC, Handwashing: Clean hands save life

Elak bersalaman atau bersentuhan jika bergejala (demam, batuk/bersin dan sesak nafas).

Letakkan tangan di dada sebagai tanda hormat dengan ucapan salam bagi menggantikan bersalaman dan bersentuhan.

Ditertibkan oleh:
Kementerian Kesihatan Malaysia

myhealthkkm

AMALAN DI TEMPAT KERJA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

- Amalkan etika batuk dan bersin yang betul
- Kerap cuci tangan dengan air dan sabun atau guna hand sanitizer
- Sentiasa disinfeksi permukaan yang kerap disentuh
- Berada di rumah jika sakit
- Tingkatkan aliran udara dengan membuka tingkap
- Pastikan jarak minima 1 meter dengan pekerja lain
- Elakkan berkongsi makanan di tempat kerja

Bersama Hentikan Wabak COVID-19

Talian Hotline CPRC
03 8881 0200 / 03 8881 0600 / 03 8881 0700

www.mosti.gov.my @officialmosti

ACARA / PROGRAM / AKTIVITI / LAWATAN BHG. KORPORAT, PERHUBUNGAN AWAM & PELANCONGAN

- 8 Jan 2021 Ziarah Baraqah Fasa 2
- 9 Jan 2021 Taklimat & Hand On Penanaman Kebun Komuniti PPR Simpang Perdana
- 9 Jan 2021 Kelas Asas Memanah @ Pink
- 19 Jan 2021 Penggambaran Jom Plog Bersama RTM
- 26 Jan 2021 Majlis Pengumuman Pemenang-Pemenang Pertandingan Video Pelancongan Taiping, Pertandingan Reka Bentuk Poster Digital Dan Pertandingan Menulis Esei Sempena Kempen Larangan Penggunaan Polistirena Dan Plastik Sekali Guna
- 20 Feb 2021 Kelas Bahasa Isyarat Secara Atas Talian @ Pink
- 26 Feb 2021 35th Tpo Executive Committee Meeting
- 27 Feb 2021 Perkongsian Ilmu Bersama Aadk Secara Atas Talian @ Pink

- 27 Feb 2021 Jom Recycle
- 5 Mac 2021 Majlis Bacaan Yassin Anjuran Kelab Sukan
- 6 Mac 2021 Kelas Memasak Secara Atas Talian
- 27 Mac 2021 Lawatan Kerja Ybhg. Datuk Tksu (Kesejahteraan Bandar) Kpkt Ke Negeri Perak & Kedah2
- 28 Feb - 6 Mac 2021 Penggambaran Dokumentari 'Warisan'
- 15 Mac 2021 Penggambaran Kempen Budi Bahasa Di Taman Tasik Taiping
- 26 Mac 2021 Majlis Pelancaran Projek Beriani Jumaat
- 27 Mac 2021 Jom Recycle
- 31 Mac 2021 Projek Jom Plog

WHEN SOMEONE TELLS YOU
"YOU CAN'T". TURN AROUND
AND SAY "WATCH ME"

Diterbit oleh : Bahagian Kualiti
Editor : Tn Hj Norazlani b Hamadudin
Urusetia : En Muhamad Sufishahiran b Suhaimi

